

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 September 2015



NAJIB TUN RAZAK bersama Ahmad Zahid Hamidi (tiga dari kiri) dan Musa Aman (dua dari kiri) meninjau Bangunan Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah, semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

AirAsia perlu pindah ke Terminal 1 KKIA um- 17/9/2015

KOTA KINABALU 16 Sept. - Syarikat penerbangan tambang murah AirAsia perlu berpindah dan menjalankan operasi syarikat itu di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) serta-merta.

Arahan itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memandangkan kelengkapan yang ada di Terminal 2, KKIA tidak lagi sesuai, selain sesak hingga menyebabkan penumpang terpaksa beratur ke luar untuk daftar masuk.

Menurutnya, perpindahan ke Terminal 1, KKIA itu perlu dilakukan segera memandangkan AirAsia telah melebihi tempoh yang

ditetapkan, selain Terminal 2 akan dijadikan terminal kargo serta lain-lain perkhidmatan.

“Mereka (AirAsia) perlu berpindah. Terminal 1, KKIA berupaya menampung kapasiti sehingga sembilan juta penumpang setahun, selain kemudahan yang disediakan memudahkan pelanggan.

“Anda (AirAsia) tidak memberi keadilan kepada rakyat jika tidak melaksanakannya (berpindah),” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Bangunan Terminal 1, KKIA di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ah-

mad Zahid Hamidi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Pada 29 Julai lalu, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Berhad, Aireen Omar menegaskan, pihaknya tidak akan berpindah ke Terminal 1, KKIA pada 1 Ogos lalu ekoran beberapa kekangan yang bakal memberi kesan kepada operasi syarikat.

Menurut Aireen, tindakan itu juga dibuat AirAsia dengan mengambil kira infrastruktur yang terdapat di Terminal 1, KKIA tidak menepati spesifikasi sebagai sebuah lapangan terbang tambang murah.